

Borang Kebenaran Peruntukan – Borang Penempatan**(CIMB Preferred Golf Series 2025/2026)**

Kepada: CIMB Bank Berhad [No. Pendaftaran: 197201001799] ("**CIMB**") dan/atau CIMB Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran: 200401032872] ("**CIMB Islamic**")

Saya, _____ (Nama) _____ (No. Kad Pengenalan/Pasport) ("**Pelanggan CIMB Preferred**") dengan ini mengesahkan perkara-perkara berikut:

- 1) Saya telah membaca, memahami sepenuhnya dan bersetuju untuk terikat dengan **Terma dan Syarat Kelayakan CIMB Preferred Golf Series 2025/2026** (Tempoh Kempen: 9 September 2025 hingga 28 Februari 2026) yang salinannya disediakan di laman sesawang CIMB;
- 2) Saya dengan ini memberi kuasa yang tidak boleh dibatalkan kepada CIMB/CIMB Islamic untuk memperuntukkan _____ dan menahan sejumlah _____ Ringgit Malaysia _____ (RM _____) sahaja ("**Amaun Deposit Minimum**") dalam _____ <nyatakan jenis akaun> No. _____ ("**Akaun Penyertaan**"). Akaun ini adalah di bawah nama saya sebagai pemegang akaun utama ¹dan _____ (Nama) No. Kad Pengenalan: _____ sebagai pemegang akaun bersama/sekunder bagi tempoh enam (6) bulan bermula daripada tarikh sebenar penempatan deposit;
- 3) Saya mengesahkan dan bersetuju bahawa Penempatan Deposit seperti yang ditariffkan di bawah Terma and Syarat Kelayakan CIMB Preferred Golf Series 2025/2026 akan dianggap sebagai tambahan atau pertambahan amaun ke atas Baki Akhir Bulanan ("**MEB**") Akaun Penyertaan saya pada 31 Ogos 2025.
- 4) Saya memahami dan bersetuju bahawa Baki Akhir Bulanan ("**MEB**") bermaksud baki dalam Akaun Penyertaan saya pada hari terakhir bulan Ogos 2025 iaitu pada 31 Ogos 2025.
- 5) Saya mengakui dan bersetuju dengan perkara berikut: -
 - a) Penempatan Deposit dan/atau penyerahan Borang Kebenaran Peruntukan ini tidak menjamin slot penyertaan saya ke dalam kejohanan CIMB Preferred Golf Series 2025/2026 ("**Kejohanan**");
 - b) Penyertaan dalam Kejohanan adalah terhad kepada 120 slot bagi setiap Pusingan layakan untuk Pelanggan Layak yang memenuhi kriteria kelayakan Tier 1, dan 40 slot Express Lane ke Pusingan Akhir untuk Pelanggan memenuhi kriteria kelayakan Tier 2;
 - c) Semua slot diperuntukan berdasarkan prinsip siapa cepat dia dapat selagi slot masih ada; dan _____

¹Padam jika tidak berkenaan.

- d) Jika semua slot Express Lane ke Pusingan Akhir telah diambil sepenuhnya, CIMB berhad untuk memperuntukkan slot Pusingan Kelayakan kepada Pelanggan Layak kriteria kelayakan Tier 2.
- 6) Saya mengesahkan bahawa kebenaran peruntukan ini diberikan selaras dengan mandat Akaun Penyertaan dan bersetuju bahawa kebenaran ini akan kekal mengikat sepanjang Tempoh Peruntukan dari 9 September 2025 hingga 28 February 2026. Sebarang pembatalan kebenaran ini akan memberikan hak kepada CIMB untuk membatalkan kelayakan saya daripada menyertai kejohanan;
- 7) Saya memahami dan bersetuju bahawa CIMB berhak untuk membatalkan slot kejohanan yang didaftarkan atas nama saya serta penyertaan saya dalam kejohanan sekiranya Amaun Deposit Minimum dikeluarkan dan tidak dikekalkan dalam Akaun Penyertaan sebelum tamat Tempoh Peruntukan;
- 8) Saya bersetuju bahawa CIMB Bank dan CIMB Islamic tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang kerugian, kerosakan, tuntutan atau perbelanjaan yang timbul daripada atau berhubung dengan kebenaran peruntukan ini; dan
- 9) Saya mengakui dan bersetuju bahawa semua istilah bertanda huruf besar dalam borang ini hendaklah mempunyai maksud yang sama sebagaimana ditetapkan dalam "**Terma dan Syarat Kelayakan CIMB Preferred Golf Series 2025/2026**" melainkan jika ditakrifkan atau dinyatakan sebaliknya dalam borang ini.

Ditandatangani oleh Pelanggan CIMB Preferred,

Disaksikan oleh Kakitangan CIMB,

Nama Penuh:

No. Kad Pengenalan:

Tarikh:

Nama Penuh:

ID Staf:

Jawatan:

Tarikh: